

'Menteri boleh ambil tindakan terhadap Bung'

Oleh ZULKIFLI JALIL
UM 23 OCT 2001
KUALA LUMPUR 22
Okt. — Menteri yang dikatakan gagal menjalankan tugas dengan cekap oleh Ahli Parlimen Kinabatangan, Bung Mokhtar Radin boleh mengambil tindakan terhadap wakil rakyat Barisan Nasional (BN) itu jika terbukti dakwaan berkenaan tidak berasas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, menteri terbabit jika mengetahui nama mereka 'tersenarai' berhak mendengar segala dakwaan yang membatalkan mereka.

Katanya, mereka kemudian berhak bersua muka dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta menuntut tindak balas daripada Perdana Menteri terhadap dakwaan-dakwaan yang dilemparkan tersebut.

"Bung Mokhtar mesti mengemukakan segala bukti yang menyokong dakwaannya terhadap menteri terbabit dan jika tidak berasas, dia perlu memberi surat tunjuk sebab mengapa dakwaan seumpama itu diadakan," katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau mengulas hasrat Bung Mokhtar untuk menyerahkan senarai li-

ma nama menteri yang didakwa gagal menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan cekap, kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu pertemuan dengan ahli Parlimen BN hari ini.

Bagaimanapun, pertemuan itu tidak berlaku kerana ia tidak tersenarai dalam jadual kerja Timbalan Perdana Menteri.

Menurut Rais, sepanjang ingatannya selama menganggotai Kabinet dari era Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak sehingga sekarang, inilah pertama kali berlaku seorang ahli Parlimen

berhasrat membuat laporan prestasi menteri kepada Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, penilaian seorang menteri bukan dibuat oleh ahli Parlimen tetapi Dr. Mahathir.